



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

20 OGOS 2024 (SELASA)

Perolehan hasil bancian tingkat peluang pelaburan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Nasional	15	20 Ogos



Perolehan data, maklumat Bancian Pertanian 2024 akan membuka pelbagai peluang pelaburan khususnya sektor pertanian negara.

Jertih: Perolehan hasil maklumat daripada bancian Pertanian 2024 akan membuka lebih banyak peluang pelaburan dalam sektor pertanian kepada orang ramai.

Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata Bancian Pertanian 2024 sedang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bermula pada 7 Julai 2024 kini memasuki hari ke 43.

Beliau berkata, mereka yang berminat untuk mendalami bidang pertanian akan mengguna-

pakai maklumat bancian yang diperoleh bagi mengkaji potensi sesuatu produk pertanian.

“Setakat ini, pencapaian keseluruhan hasil bancian seluruh negara sudah mencapai 44.3 peratus dengan Pulau Pinang menjadi negeri pertama tertinggi 65.3 peratus diikuti Terengganu 60.4 peratus,” katanya.

Tingkat hasil pertanian

Beliau demikian ketika melawat tanaman melon manis di Ayana Agrotech Tanaman Kekal Pengel-

-uaran Makanan (TKPM)
Kampung Tok Dor di sini.

Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya Banci Pertanian, Marlini Sahul Hamid; Pengarah Jabatan Pertanian Terengganu, Datuk Zulkepli Amin Mat Jusoh serta Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu, Dr Anun Man.

Katanya, pelbagai maklumat data banci antaranya pergantungan sistem jaringan import eksport serta pelbagai perbezaan harga dari segi kestabilan harga, harga pemborong dan harga jualan membantu dalam proses merancang untuk meningkatkan pendapatan sektor pertanian negara.

Mahkamah Kajang keluar waran ke atas OKS dera anjing Husky

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
MalaysiaGazette	Online	-	19 Ogos

Mahkamah Kajang keluar waran ke atas OKS dera anjing Husky

Wartawan MalaysiaGazette • 19 August 2024



Bangunan Kompleks Mahkamah Kajang, Selangor. Foto AMIRUL SHAUFIQ, 15 JULAI 2022.

KUALA LUMPUR – Mahkamah Sesyen Kajang telah mengeluarkan waran tangkap ke atas Orang Kena Saman (OKS) dalam kes dera anjing Husky yang dilaporkan berlaku di Kondominium Landmark Residence 1, Kajang.

Waran itu dikeluarkan selepas OKS gagal hadir ke mahkamah bagi mendengar pertuduhan terhadap kes berkenaan dan hanya diwakili oleh peguamnya, kata Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Mahkamah kemudian menetapkan tarikh sebutan baharu pada jam 9 pagi, 30 Ogos 2024.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar menasihatkan orang ramai untuk tidak membuat sebarang spekulasi berhubung kes ini sehingga kes ini selesai dibicarakan dan mendapat keputusan mahkamah. – MalaysiaGazette

Kes dera anjing Husky: Mahkamah keluar waran tangkap

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Online	-	19 Ogos

Kes dera anjing Husky: Mahkamah keluar waran tangkap

19 Ogos 2024 05:18pm Masa membaca: 1 minit



SHAH ALAM - Mahkamah Sesyen Kajang mengeluarkan waran tangkap terhadap Orang Kena Saman (OKS) yang terlibat dalam kes dera anjing Husky dilaporkan berlaku di Kondominium Landmark Residence 1, Kajang.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) berkata, waran itu dikeluarkan selepas OKS gagal hadir ke mahkamah bagi mendengar pertuduhan terhadap kes berkenaan dan hanya diwakili peguamnya.

“Mahkamah menetapkan tarikh sebutan baharu pada 30 Ogos ini, jam 9 pagi,” katanya menerusi kenyataan pada Isnin.

Pada 4 Julai lalu, DVS mengambil tindakan susulan video tular berhubung seorang lelaki mendera seekor anjing Husky di sebuah Kondominium Landmark Residence 1, Kajang, Selangor.

Katanya, pihak DVS membuka kertas siasatan berhubung kejadian itu di bawah perenggan 29(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 [Akta 772].

Dalam kenyataan sama, DVS menasihatkan orang ramai untuk tidak membuat sebarang spekulasi berhubung kes terbabit sehingga selesai dibicarakan dan mendapat keputusan mahkamah.

Kes dera anjing Husky: Mahkamah keluar waran tangkap

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Buletin TV3	Online	-	19 Ogos

Kes dera anjing Husky: Mahkamah keluar waran tangkap

19 Ogos 2024, 5:48pm



PUTRAJAYA: Mahkamah Sesyen Kajang hari ini mengeluarkan waran tangkap ke atas Orang Kena Saman (OKS) dalam kes dera anjing baka Husky di Kondominium Landmark Residence 1, Kajang baru-baru ini.

Menurut Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), waran tangkap tersebut dikeluarkan susulan OKS itu gagal hadir ke mahkamah bagi sebutan kes hari ini dan hanya diwakilkan oleh peguamnya.

Sebutan baharu bagi kes berkenaan ditetapkan pada 9 pagi, 30 Ogos ini.

“Orang ramai dinasihatkan untuk tidak membuat sebarang spekulasi berhubung kes ini sehingga kes ini selesai dibicarakan dan mendapat keputusan mahkamah,” menurut DVS dalam kenyataan hari ini.

Sebelum ini, tular satu video yang memaparkan seorang lelaki dipercayai mendera anjing baka Husky di sebuah kondominium di Kajang.

Susulan itu, DVS telah melakukan siasatan di bawah perenggan 29(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772), dan sekiranya didapati bersalah, individu terlibat boleh didenda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak lebih daripada RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya. – BERNAMA

Kes dera anjing: Mahkamah keluar waran tangkap, OKS tak hadir

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
MalaysiaKini	Online	-	19 Ogos

Kes dera anjing: Mahkamah keluar waran tangkap, OKS tak hadir

Mahkamah Sesyen Kajang hari ini mengeluarkan waran tangkap ke atas Orang Kena Saman (OKS) dalam kes dera anjing baka Husky di Kondominium Landmark Residence 1, Kajang baru-baru ini.

Menurut Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), waran tangkap tersebut dikeluarkan susulan OKS itu gagal hadir ke mahkamah bagi sebutan kes hari ini dan hanya diwakilkan oleh peguamnya.

Sebutan baru bagi kes berkenaan ditetapkan pada 9 pagi, 30 Ogos ini.

"Orang ramai dinasihatkan untuk tidak membuat sebarang spekulasi berhubung kes ini sehingga kes ini selesai dibicarakan dan mendapat keputusan mahkamah," menurut DVS dalam kenyataan hari ini.

Sebelum ini, tular satu video yang memaparkan seorang lelaki dipercayai mendera anjing baka Husky di sebuah kondominium di Kajang.

Susulan itu, DVS telah melakukan siasatan di bawah perenggan 29(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772), dan sekiranya didapati bersalah, individu terlibat boleh didenda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak lebih daripada RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.

- Bernama

OKS dera anjing gagal hadir, mahkamah keluar waran tangkap

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Free Malaysia Today	Online	-	19 Ogos

OKS dera anjing gagal hadir, mahkamah keluar waran tangkap

Orang Kena Saman gagal hadir ke mahkamah bagi sebutan kes dan hanya diwakilkan oleh peguam.

Bernama • 19 Aug 2024, 06:59 PM



Mahkamah keluarkan waran tangkap ke atas seorang individu dalam kes dera anjing di Kajang baru-baru ini. (Gambar X)

PUTRAJAYA:

Mahkamah Sesyen Kajang mengeluarkan waran tangkap ke atas Orang Kena Saman (OKS) dalam kes dera anjing di Kondominium Landmark Residence 1, Kajang baru-baru ini.

Menurut Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), waran tangkap tersebut dikeluarkan susulan OKS itu gagal hadir ke mahkamah bagi sebutan kes hari ini dan hanya diwakilkan oleh peguam.

Sebutan baharu bagi kes berkenaan ditetapkan pada 9 pagi, 30 Ogos ini.

“Orang ramai dinasihatkan untuk tidak membuat sebarang spekulasi berhubung kes ini sehingga kes ini selesai dibicarakan dan mendapat keputusan mahkamah,”

menurut DVS dalam kenyataan.

Sebelum ini, tular satu video yang memaparkan seorang lelaki dipercayai mendera anjing baka Husky di sebuah pangaspuri di Kajang.

Susulan itu, DVS melakukan siasatan di bawah perenggan 29(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan, dan sekiranya didapati bersalah, individu terlibat boleh didenda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak lebih daripada RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.

OKS Dera Anjing Husky Gagal Hadir, Mahkamah Keluar Waran Tangkap

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BERNAMA	Online	-	19 Ogos

OKS Dera Anjing Husky Gagal Hadir, Mahkamah Keluar Waran Tangkap



PUTRAJAYA, 19 Ogos (Bernama) -- Mahkamah Sesyen Kajang hari ini mengeluarkan waran tangkap ke atas Orang Kena Saman (OKS) dalam kes dera anjing baka Husky di Kondominium Landmark Residence 1, Kajang baru-baru ini.

Menurut Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), waran tangkap tersebut dikeluarkan susulan OKS itu gagal hadir ke mahkamah bagi sebutan kes hari ini dan hanya diwakilkan oleh peguamnya.

Sebutan baharu bagi kes berkenaan ditetapkan pada 9 pagi, 30 Ogos ini.

"Orang ramai dinasihatkan untuk tidak membuat sebarang spekulasi berhubung kes ini sehingga kes ini selesai dibicarakan dan mendapat keputusan mahkamah," menurut DVS dalam kenyataan hari ini.

Sebelum ini, tular satu video yang memaparkan seorang lelaki dipercayai mendera anjing baka Husky di sebuah kondominium di Kajang.

Susulan itu, DVS telah melakukan siasatan di bawah perenggan 29(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772), dan sekiranya didapati bersalah, individu terlibat boleh didenda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak lebih daripada RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.

OKS dera anjing Husky gagal hadir, Mahkamah keluar waran tangkap

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
astro AWANI	Online	-	19 Ogos

OKS dera anjing Husky gagal hadir, mahkamah keluar waran tangkap



PUTRAJAYA: Mahkamah Sesyen Kajang hari ini mengeluarkan waran tangkap ke atas Orang Kena Saman (OKS) dalam kes dera anjing baka Husky di Kondominium Landmark Residence 1, Kajang baru-baru ini.

Menurut Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), waran tangkap tersebut dikeluarkan susulan OKS itu gagal hadir ke mahkamah bagi sebutan kes hari ini dan hanya diwakilkan oleh peguamnya.

Sebutan baharu bagi kes berkenaan ditetapkan pada 9 pagi, 30 Ogos ini. "Orang ramai dinasihatkan untuk tidak membuat sebarang spekulasi berhubung kes ini sehingga kes ini selesai dibicarakan dan mendapat keputusan mahkamah," menurut DVS dalam kenyataan hari ini.

Sebelum ini, tular satu video yang memaparkan seorang lelaki dipercayai mendera anjing baka Husky di sebuah kondominium di Kajang.

Susulan itu, DVS telah melakukan siasatan di bawah perenggan 29(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772), dan sekiranya didapati bersalah, individu terlibat boleh didenda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak lebih daripada RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.

-- BERNAMA

OKS dera anjing Husky gagal hadir, Mahkamah keluar waran tangkap

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Headlines	Online	-	19 Ogos

OKS dera anjing Husky gagal hadir, mahkamah keluar waran tangkap

19/8/2024 9:16 PM

[Bernama News](#)



Malaysia Latest News, Malaysia Headlines

PUTRAJAYA: Mahkamah Sesyen Kajang hari ini mengeluarkan waran tangkap ke atas Orang Kena Saman (OKS) dalam kes dera anjing baka Husky di Kondominium L...

: Mahkamah Sesyen Kajang hari ini mengeluarkan waran tangkap ke atas Orang Kena Saman dalam kes dera anjing baka Husky di Kondominium Landmark Residence 1, Kajang baru-baru ini.

Menurut Jabatan Perkhidmatan Veterinar , waran tangkap tersebut dikeluarkan susulan OKS itu gagal hadir ke mahkamah bagi sebutan kes hari ini dan hanya diwakilkan oleh peguamnya. “Orang ramai dinasihatkan untuk tidak membuat sebarang spekulasi berhubung kes ini sehingga kes ini selesai dibicarakan dan mendapat keputusan mahkamah,” menurut DVS dalam kenyataan hari ini.

Sebelum ini, tular satu video yang memaparkan seorang lelaki dipercayai mendera anjing baka Husky di sebuah kondominium di Kajang. Susulan itu, DVS telah melakukan siasatan di bawah perenggan 29 Akta Kebajikan Haiwan 2015 , dan sekiranya didapati bersalah, individu terlibat boleh didenda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak lebih daripada RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.

Waran tangkap dikeluarkan terhadap OKS dera anjing

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita RTM	Online	-	19 Ogos

Waran tangkap dikeluarkan terhadap OKS dera anjing



Anjing baka Husky dipercayai didera di sebuah kondominium di Kajang

PUTRAJAYA, 19 Ogos- Mahkamah Sesyen Kajang mengeluarkan waran tangkap ke atas Orang Kena Saman (OKS) hari ini berikutan kes dera anjing baka Husky di Kondominium Landmark Residence 1, Kajang baru-baru ini.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dalam satu kenyataan berkata, waran tangkap tersebut dikeluarkan susulan OKS berkenaan gagal hadir ke mahkamah bagi sebutan kes hari ini dan hanya diwakilkan oleh peguamnya.

Sebutan baharu bagi kes berkenaan ditetapkan pada 30 Ogos depan pukul 9.00 pagi.

"Orang ramai dinasihatkan untuk tidak membuat sebarang spekulasi berhubung kes ini sehingga kes ini selesai dibicarakan dan mendapat keputusan mahkamah," katanya.

Sebelum ini, tular satu video memaparkan seorang lelaki dipercayai mendera anjing baka Husky di sebuah kondominium di Kajang.

Susulan itu, DVS telah melakukan siasatan bawah perenggan 29(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772), dan sekiranya didapati bersalah, individu terlibat boleh didenda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak lebih daripada RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.

Kes Dera Anjing Husky

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
FB: DVS	Online	-	19 Ogos



Jabatan Perkhidmatan Veterinar ✅

16h ·

...

19 Ogos 2024 | Isnin

Mari saksikan Berita Astro Awani berkenaan 'Kes Dera Anjing Husky'.

Lembaga Kebajikan Haiwan

#dvsmalaysia #MalaysiaMadani #cukupdanterjamin



Prosiding dengar kes ditangguh ke 30 Ogos

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
AWANI 745	Laporan Berita	-	19 Ogos

astro AWANI

(•) LIVE

Seisi keluarga meriah sana-sini!
Dikuarasakan oleh WiFi Kencang™

500 Mbps hanya RM 90/bln

astro fibre

Info Lanjut

Buletin AWANI 745 LIVE TV English A

DERA ANJING HUSKY | PROSIDING DENGAR KES DITANGGUH KE 30 OGOS

Prosiding dengar kes ditangguh ke 30 Ogos

Perbicaraan dengar kes berkenaan kes dera anjing baka Husky di sebuah kondominium di Kajang ditangguh ke 30 Ogos depan.

19/08/2024 13:15 MYT

Prosiding dengar kes ditangguh ke 30 Ogos

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Tiktok: Astro AWANI	Laporan Berita	-	19 Ogos



Prosiding dengar kes ditangguh ke 30 Ogos



Arrest warrant issued against dog owner

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Youtube: TheStar	Laporan Berita	-	19 Ogos



Description



Arrest warrant issued against dog owner

45

Likes

3,366

Views

16h

Ago

The Kajang Sessions Court on Monday (Aug 19) issued an arrest warrant against a dog owner, who allegedly abused his Husky at a condominium last month, after failing to appear in court to face a charge for animal cruelty.

WATCH MORE: [https://thestartv.com/...](https://thestartv.com/)

SUBSCRIBE: <https://cutt.ly/TheStar>

LIKE: <https://fb.com/TheStar...>

Transcript

Follow along using the transcript.

Show transcript



The Star

1.41M subscribers

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR